



**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI  
KEDAH DARUL AMAN  
BILANGAN 1 TAHUN 2023**

**Semua Pegawai Pengawal  
Jabatan Kerajaan Negeri/  
Badan Berkanun Negeri**

**KAWALAN PERBELANJAAN DAN MAKLUMAN TARikh AKHIR  
PENYEDIAAN SUB-WARAN, PESANAN TEMPATAN,  
PINDAH PERUNTUKAN DAN INDEN KERJA**

**1.0. TUJUAN**

- 1.1. Tujuan surat pekeliling ini dikeluarkan ialah untuk memaklumkan kepada semua Pegawai Pengawal Jabatan Kerajaan Negeri dan Ketua Badan Berkanun Negeri mengenai tarikh akhir penyediaan Sub-Waran, Pesanan Tempatan, Pindah Peruntukan dan Inden Kerja bagi memastikan perolehan, perkhidmatan, bekalan dan kerja dapat disempurnakan seperti kehendak Arahan Perbendaharaan.
- 1.2. Bagi memastikan pematuhan kepada pekeliling ini, Pegawai Pengawal hendaklah mengutamakan perbelanjaan yang dirancang dan diluluskan dalam Bajet 2023 sahaja.

## **2.0. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Amalan pengeluaran Sub-Waran, Pesanan Tempatan, Pindah Peruntukan dan Inden Kerja yang dilaksanakan sehingga penghujung tahun telah menyebabkan peningkatan perbelanjaan dan melibatkan aliran tunai keluar yang tinggi.
- 2.2 Semua perbelanjaan adalah dihadkan sehingga tempoh ditetapkan sahaja. Semua Pegawai Pengawal hendaklah menyemak semula perbelanjaan yang telah dibuat dan memastikan semua pembayaran disempurnakan dalam tahun 2023 dan mengelakkan AP58(a).
- 2.3 Pegawai Pengawal yang **gagal mematuhi peraturan ini boleh dikenakan tindakan di bawah AP 59.**

## **3.0 KAWALAN PERBELANJAAN BAGI TUJUAN PENUTUPAN AKAUN TAHUN 2023**

Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk membuat perancangan perbelanjaan pada awal tahun berdasarkan keutamaan dan peruntukan yang telah diluluskan.

### **3.1 Perbelanjaan Mengurus**

#### **3.1.1 Perkhidmatan dan Bekalan**

Perbelanjaan hanya dibenarkan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan yang telah selesai dibuat perolehan.

KOD	PENGECUALIAN
21000	Dibenarkan
23000	Dibenarkan
24000	Dibenarkan
26000	Dibenarkan untuk minyak kenderaan sahaja
27000	Dibenarkan untuk yang telah selesai perolehan

KOD	PENGECUALIAN
28000	Dibenarkan untuk perolehan yang terikat dengan kontrak dan penyelenggaraan kenderaan berkala atau kecemasan sahaja
29000	Dibenarkan untuk bayaran emolumen, tuntutan kakitangan kontrak/sementara/PSH, makan minum mesyuarat dan perolehan yang terikat dengan kontrak

### 3.1.2 Pembelian Aset

Peruntukan bagi semua kod 30000 (aset) adalah dibekukan kecuali bagi yang telah dikeluarkan pesanan tempatan dan mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.

### 3.1.3 Pemberian Kepada Badan Berkanun

Semua Badan Berkanun Negeri hendaklah menyusun semula perbelanjaan dan mengemukakan cadangan penjimatan sekurang-kurangnya 10% daripada peruntukan tahun 2023 yang telah diluluskan. Sekatan akan dibuat pada sukuan keempat berdasarkan cadangan yang diterima. Sekiranya tiada maklum balas daripada Badan Berkanun Negeri, tindakan pelarasan peruntukan akan dibuat oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri.

### 3.1.4 Pengambilan Kakitangan Tidak Berwaran

Pengambilan kakitangan kontrak yang tidak berwaran dan Pekerja Sambilan Harian (PSH) adalah tidak dibenarkan.

## 3.2 Perbelanjaan Pembangunan

3.2.1 Projek yang telah selesai proses perolehan sahaja dibenar untuk dilaksanakan.

3.2.2 Peruntukan di bawah maksud **TAHAP** adalah dibenar untuk dibelanjakan.

- 3.2.3 Peruntukan Projek TAHAP hendaklah disiapkan dan pembayaran diselesaikan pada atau sebelum **23 November 2023 (Khamis)**. Laporan Prestasi Perbelanjaan TAHAP sehingga 30 November 2023 hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri sebelum atau pada **03 Disember 2023 (Ahad)** bagi tujuan auditan.
- 3.2.4 Sebarang pengecualian kepada perkara 3.2.1 hendaklah mendapat **Kelulusan Khas** Pegawai Kewangan Negeri sebelum tarikh akhir pengeluaran Pesanan Tempatan atau Inden.

## **4.0 PERATURAN BAGI PENGELUARAN SUB WARAN, PESANAN TEMPATAN, PINDAH PERUNTUKAN DAN INDEN KERJA BAGI TAHUN 2023**

### **4.1 Sub Waran**

- 4.1.1 Tarikh akhir pengeluaran Sub Waran adalah pada **10 Oktober 2023 (Selasa)**.
- 4.1.2 Pengeluaran Sub Waran Peruntukan Pembangunan **selepas tarikh akhir** hendaklah mendapat kelulusan perbelanjaan daripada Pegawai Kewangan Negeri sebelum dikeluarkan.

### **4.2 Pindah Peruntukan**

- 4.2.1 Semua permohonan Pindah Peruntukan hendaklah menggunakan borang yang telah ditetapkan dan mengikut peraturan yang telah digariskan dalam Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman Bil.1 tahun 2023.

- 4.2.2 Jabatan hendaklah membuat kiraan anggaran keperluan bagi kod yang tidak mempunyai baki yang mencukupi bagi menggelakkan vot berbaki negatif. Pegawai Pengawal hendaklah mengawal dan menyenggara peruntukan vot jabatan selaras dengan AP95.
- 4.2.3 Tarikh akhir permohonan Pindah Peruntukan adalah pada **31 Oktober 2023 (Selasa)**.

#### **4.3 Pesanan Tempatan**

- 4.3.1 Pesanan Tempatan hendaklah dikeluarkan oleh jabatan atau PTJ sebelum bekalan/perkhidmatan disempurnakan oleh pembekal.
- 4.3.2 Pengeluaran Pesanan Tempatan hendaklah dibuat melalui sistem iSPEKS kecuali mendapat **Kelulusan Khas** daripada Pegawai Kewangan Negeri.
- 4.3.3 Tarikh akhir pengeluaran Pesanan Tempatan adalah pada **15 November 2023 (Rabu)**. Pengeluaran Pesanan Tempatan selepas 15 November 2023 hendaklah mendapat **Kelulusan Khas** daripada Pegawai Kewangan Negeri **kecuali** untuk tujuan penginapan dan perjalanan bagi urusan rasmi.

#### **4.4 Inden Kerja**

- 4.4.1 Inden Kerja hendaklah dikeluarkan oleh jabatan atau PTJ sebelum bekalan/perkhidmatan disempurnakan oleh kontraktor.
- 4.4.2 Pengeluaran Inden Kerja hendaklah dibuat melalui sistem iSPEKS kecuali mendapat **Kelulusan Khas** daripada Pegawai Kewangan Negeri.

4.4.3 Tarikh akhir pengeluaran Inden Kerja adalah pada **01 November 2023 (Rabu)**. Pengeluaran Inden Kerja selepas 01 November 2023 hendaklah mendapat **Kelulusan Khas** daripada Pegawai Kewangan Negeri dan menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal untuk memastikan kerja-kerja dapat disempurnakan selewat-lewatnya pada atau sebelum **14 Disember 2023 (Khamis)**.

## 5.0 TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa **SERTA MERTA** mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

## 6.0 PENUTUP

Semua Pegawai Pengawal Jabatan Kerajaan Negeri dan Ketua Badan Berkanun Negeri hendaklah memastikan segala langkah kawalan yang dinyatakan di dalam Surat Pekeliling ini dipatuhi sepenuhnya demi untuk menjamin kestabilan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' HAJI SYED KHAIRUL ANUAR BIN SYED ABIDIN,  
DSDK., SDK., AMK., BCK., ASK.)  
Pegawai Kewangan Negeri  
Kedah Darul Aman.**

Tarikh : **05 OCT 2023**

s.k. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman

Tuan Bendahari Negeri Kedah Darul Aman

Tuan Pengarah Audit Negeri Kedah Darul Aman